



KEMENTERIAN WILAYAH

TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH**

**SEMPENA
SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA 2018**

**13 OKTOBER 2018 (SABTU)
7.00 PAGI HINGGA 1.00 PETANG**

**KOMPLEKS SUKAN, TAMAN PANCARONA,
PRESINT 18, PUTRAJAYA**

Salutasi (Akan diberikan pada hari kejadian)

Bismillahirrahmanirrahim....

Assalamualaikum W.B.T &

Salam Sayangi Malaysiaku

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita berkumpul pada pagi yang penuh keberkatan, di Kompleks Sukan Taman Pancarona bersempena dengan Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Kementerian Wilayah 2018.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua warga Kementerian Wilayah kerana pada hari ini kita semua sama-sama turun padang bagi menyahut

cabaran sempena Sambutan Hari Sukan Negara tahun 2018.

3. Sesungguhnya komitmen daripada Y.Bhg. Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam menjayakan Sambutan Hari Sukan Negara 2018 pada kali ini amat dirasai dan turut diraikan secara serentak di seluruh pelusuk tanah air kita pada hari ini iaitu 13 Oktober 2018.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

LATAR BELAKANG HSN

4. Seperti yang kita sedia maklum, **Sambutan Hari Sukan Negara** telah diisytiharkan pada setiap hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober setiap tahun. Sambutan Hari Sukan Negara ini merupakan inisiatif Kementerian Belia dan Sukan di mana ia adalah satu langkah pro aktif dalam proses

transformasi ke arah mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah ‘Negara Bersukan’ (*Sporting Nation*). Oleh yang demikian, Hari Sukan Negara telah dijadikan sebagai agenda nasional yang selari dengan matlamat negara ke arah Wawasan 2020.

5. Pada tahun ini, sambutan Hari Sukan Negara peringkat Kementerian Wilayah bertema **“WILAYAH SIHAT PEKERJA CEMERLANG”** bakal diisi dengan pelbagai aktiviti sukan dan riadah untuk memastikan setiap lapisan warga Kementerian turut serta dalam meraihkan Sambutan Hari Sukan Negara.

6. Hari Sukan Negara ini adalah penting dalam menggalakkan rakyat menerapkan amalan budaya hidup sihat, cergas dan aktif memandangkan peratusan masyarakat Malaysia yang aktif bersukan masih lagi rendah iaitu pada kadar sekitar

40 peratus berbanding dengan 50 hingga 60 peratus di negara maju.

7. Ini kerana budaya bersukan melalui amalan gaya hidup cergas dan aktif pada masa yang sama dapat membantu mewujudkan komuniti yang sihat dan produktif.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

OBJEKTIF HSN

8. Sepertimana yang telah digagaskan dalam matlamat Sambutan Hari Sukan Negara pada setiap tahun, program yang kita anjurkan pada pagi yang indah ini adalah untuk:

i) Menerapkan budaya sukan dalam kalangan komuniti khususnya warga KW;

- ii) Memupuk semangat perpaduan dalam kalangan warga KW;
- iii) Pembangunan ekonomi negara melalui pembangunan industri sukan;
- iv) Meningkatkan pengetahuan sukan dalam kalangan komuniti khususnya warga KW;

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

9. Gaya hidup sihat dengan bersukan juga dapat mengatasi masalah obesiti dalam kalangan rakyat negara ini, yang menjadi penyebab kepada penyakit jantung, kencing manis dan darah tinggi. Ini kerana budaya sukan melalui amalan gaya hidup sihat dan cergas serta aktif dapat membantu menurunkan kadar penyakit kronik di kalangan rakyat Malaysia.

10. Namun begitu, penyertaan kita dalam sambutan hari sukan pada kali ini, marilah kita sama-sama buktikan kita berupaya menyumbang ke arah budaya sihat, cergas dan lestari.

11. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan “**good luck** dan **semoga berjaya**” kepada semua warga Kementerian Wilayah dan warga Majlis Sukan Wilayah Persekutuan terutama pemain-pemain hebat yang akan memperlihatkan bakat dan kemahiran masing-masing dalam pertandingan sukan seketika nanti. Semoga dengan penglibatan dalam sambutan seperti ini bukan sahaja dapat mengeratkan sillaturahim antara semua warga Kementerian tetapi hasil dan mutu kerja warga Kementerian juga dapat ditingkatkan kearah yang lebih baik.

12. Kepada semua warga yang akan bertanding sebentar lagi, kalah atau menang dalam sesuatu

pertandingan sudah menjadi adat. Kepada yang menang diucapkan tahniah dan kepada yang tewas, diharap berusaha lagi.

PERASMIAN HSN 2018

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, sukacita pada hari ini, saya merasmikan Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Kementerian Wilayah 2018.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.